



## 1024 PERANAN MACMA DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DI KALANGAN CINA MUSLIM

MOHD HASBIE AL-SHIDDIEQUE BIN AHMAD

[alshiddieque@kuis.edu.my](mailto:alshiddieque@kuis.edu.my)

MUHAMMAD FAIZ MUKMIN BIN ABDUL MUTALIB

[faizmukmin@kuis.edu.my](mailto:faizmukmin@kuis.edu.my)

HAMZAH BIN OMAR

[hamzah@kuis.edu.my](mailto:hamzah@kuis.edu.my)

SITI HAJAR BINTI ENDAN

### ABSTRAK

*Mempelajari al-Quran adalah merupakan satu yang mustahak dan penting bagi setiap umat Islam lebih-lebih lagi bagi mereka yang dipilih Allah swt untuk kembali kepada ajaran fitrah. Pemantauan dan bimbingan terhadap golongan yang dibuka hati oleh Allah swt untuk memilih agama Islam sebagai pengangan hidup perlu supaya tidak terpengaruh dengan dugaan dan boleh meyebabkan kembalinya kepada agama asal. Selain itu, pantauan, bimbingan dan sokongan dalam pelbagai bentuk terutamanya dalam berkaitan ilmu agama. Oleh yang demikian, pendekatan persatuan cina muslim Malaysia atau lebih dikenali sebagai Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) memainkan peranan untuk menyediakan platform pengajian al-Quran di kalangan cina muslim. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan melaksanakan pendekatan analisis dokumen yang berkaitan dengan peranan MACMA dalam kepada masyarakat Cina Muslim. Hasil kajian mendapati bahawa MACMA kemudahan dan keupayaan dalam mengendalikan kelas-kelas pengajian agama di Kawasan yang berhampiran dengan cawangan di seluruh Malaysia. Kelas al-Quran yang dipantau dan diselia oleh guru al-Quran yang bertauliah. Pendekatan pengajian al-Quran juga boleh dikatakan bersesuaian dengan jiwa seorang cina muslim kerana guru agama di kalangan bangsa cina.*

*Kata kunci: Agama Fitrah, Pengajian al-Quran, Cina Muslim*

### PENGENALAN

Sejarah pengajian al-Quran menurut Mohd Yusuf (2000) bermula ketika Nabi Muhammad SAW sedang beibadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi pesuruh Allah secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian ini, maka bemulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu. Hal ini jelas berdasarkan surah al-'Alaq yang mengandungi perkataan *Iqra'* yang memberi erti belajar, mengkaji, dan mencari ilmu.



Bacaan yang diajar oleh Jibril a.s dan dibaca oleh Rasulullah bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan untuk diikuti dan difahami sehinggakan Rasulullah s.a.w apabila diturunkan wahyu kepadanya baginda tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah S.W.T melarangnya berbuat demikian. Allah S.W.T memberi jaminan kepada rasulNya berkaitan amalan menghafal al-Quran dan membetulkan bacaan RasulNya.

Bertepatan firman Allah S.W.T dalam Surah al-Qiamat, ayat 16 dan 17 yang menjelaskan bahawa Rasulullah mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibril melalui kaedah mendengar dan memerhati bacaan Jibril a.s. Rasulullah s.a.w tidak tegopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan apabila malaikat Jibril a.s selesai membacanya. (Subhi al-Salih, 1977)

Nabi Muhammad s.a.w memulakan pengajian al-Quran di rumah baginda, rumah al-Arqam bin Abi Arqam dan seterusnya berkembang ke Madinah. Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, pengajian al-Quran berterusan di rumah baginda dan seterusnya di Masjid Nabawi. Ramai sahabat mempelajari al-Quran secara hafalan daripada Rasulullah s.a.w hingga lahirlah kumpulan *huffaz* (Al-Buti, 1991). Tegasnya pada peringkat ini para sahabat masih meneruskan kaedah hafalan ini telah berjaya melahirkan ramai mereka yang membaca dan menghafal al-Qur'an. Antara para sahabat yang berguru secara langsung dengan Rasulullah s.a.w ialah Abu Bakar, Uthman, Ali Ibn Mas'ud, A'ishah dan Hafshah (al-Buti, 1991).

Rasulullah s.a.w dalam mempelajari al-Quran amat memerlukan pertolongan Allah S.W.T kerana sebenarnya dalam mempelajari al-Quran berbeza dengan mempelajari sesuatu yang lain. Allah S.W.T telah memberi jaminan kepada Rasul-Nya bahawa al-Quran yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w tidak akan dilupai selama-lamanya. Dengan jaminan ini, maka setiap kali Jibril a.s datang membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w, Baginda mendengarnya dengan penuh perhatian dan apabila Jibril a.s selesai, Nabi membacanya sebagaimana Jibril a.s membacanya.

## PUSAT PENGAJIAN

Pada peringkat awal perkembangan Islam ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam telah sampai di rumah Baginda dan rumah sahabat baginda seperti rumah al-Arqam bin al-Arqam, Rasulullah s.a.w menyampaikan ilmu-ilmu Islam peringkat asasnya ilmu akidah dan akhlak. Pada zaman Makkah ini Rasulullah s.a.w berperanan sebagai guru, murid-muridnya terdiri daripada kalangan dan para sahabat yang rapat dengan Baginda manakala rumah Baginda dan rumah al-Arqam bin al-Arqam berperanan sebagai institusi pertama pendidikan Islam.

Rasulullah s.a.w menyampaikan setiap wahyu yang diterima atau setiap kali wajah diturunkan kepada kaum keluarga Baginda, para sahabat dan sekalian kaum muslimin secara terbuka. Rasulullah s.a.w berbuat demikian kerana tugas Rasulullah untuk menyampaikan ajaran Islam dan menyeru manusia ke jalan Allah, firman Allah yang bermaksud .

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ أَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ (٦٧)



Maksudnya: *Wahai Rasul Allah! sampaikanlah apa Yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika Engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah Engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum Yang kafir.*

Bentuk pengajaran dan pengajian Rasulullah s.a.w ialah membaca al-Quran karim kepada para sahabat dan menerangkan maksud ayatnya supaya dapat difahami dan dihayati serta diamalkan pada saat itu juga. Baginda Rasul juga menyuruh para sahabatnya menghafal setiap ayat yang telah diajar disamping Rasulullah s.a.w menyeru para sahabatnya untuk menulis agar dapat sentiasa diulang kaji pada masa yang lain.

Baginda Rasulullah s.a.w menunjukkan dan melatih para sahabat dan semua kaum muslimin agar mengamalkan serta mengamati segala pelajaran yang disampaikan oleh Baginda. Sesungguhnya nabi Muhammad s.a.w ialah seorang rasul dan guru yang telah mendidik melatih dan memandu umat islam dengan penuh tanggungjawab, mesra dan penuh perasaan kasih sayang. Baginda Rasulullah s.a.w selalu menjadikan dirinya sebagai teladan dan contoh-contoh yang diikuti.

Para sejarawan Islam telah memulakan kajian tentang pendidikan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w bermula dari Institusi al-Arqam bin al-Arqam di Assafah, Makkah pada tahun 610 masihi. Disinilah bermulanya era pendidikan Islam dan Quran (Adel M. Abdul Aziz, 2006)

Selain Institusi pendidikan al-Arqam bin al-Arqam, Rasulullah s.a.w juga menggunakan rumahnya sebagai pusat pembelajaran. Langkah pertama yang dilakukan oleh Baginda dalam proses pengajaran pembelajaran ialah melalui metod iqra (bacaan), iaitu dengan membaca ayat-ayat al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah oleh Allah s.w.t kepada sahabatnya melalui metod *Tartil*. (Engkizar, 2011)

Para pengkaji sejarah Islam menjelaskan bahawa isi kandungan pendidikan yang disampaikan itu bergantung kepada wahyu daripada Allah s.w.t sendiri. Maka dengan itu, kelahiran pendidikan Islam adalah satu era baru bgai dunia pendidikan yang ada pada masa itu.

Bukan sahaja wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w itu sebagai bahan pengajaran nabi bahkan ia juga merupakan sumber pendidikan Rasulullah s.a.w kepada keluarga dan para sahabat Baginda, wahyu yang menekan persoalan akidah masyarakat Quraisy pada masa itu telah dikuliahkan oleh agenda di Institusi dirumah al-Arqam.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam lebih pesat dan menggalakkan apabila Rasulullah saw berhijrah ke Madinah pada tahun 622 masihi. Perkembangan ini berkait rapat dengan peranan masjid yang telah didirikan oleh Rasulullah s.a.w . Disana masjid telah dijadikan markas kegiatan sosial dan kemasyarakatan selain daripada tempat ibadah. Kegiatan ini termasuklah proses pembelajaran dan pengajian.

Bagi memastikan kesucian masjid sebagai tempat ibadah maka nabi telah membina surau yang bersambung dengan masjid tersebut, surau itu dikenali dengan nama *al-suffah*, ia boleh dikatakan sebagai sebuah sekolah kerana kegiatan pengajian dan pembelajaran yang dijalankan disitu lebih sistematik dan formal. Manakal metode pengajaran adalah dalam



bentuk halaqah yang disampaikan melalui kaedah syarahan dan praktikal. Seajar dengan perkembangan dan tersusun. Pelbagai aspek kehidupan dipelajari dan diajar kepada mereka.

Kota Madinah pada masa itu telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Pelbagai jenis ilmu yang telah disebarkan di Madinah iaitu di Jazirah Arabiah dan Negara-negara sekitarnya. Di Madinah telah terdapat sembilan buah masjid yang berperanan sebagai institusi pendidikan nabi. Antara sekolah yang terkemuka iaitu sekolah Kaabah.

### **SEJARAH PENDIDIKAN AL-QURAN PADA ZAMAN SAHABAT**

Menurut Prof. Dr Hassan Langgulung (1988) dalam buku *Asas-asas Pendidikan Islam* menerangkan bahawa bertahun-tahun pemerintahan Khulafa al-Rasyidin merupakan perjuangan terus menerus antara hak yang mereka bawa dan dakwahkan kebatilan yang mereka perangi dan musuhi. Pada zaman khulafa al-Rasyidin seakan-akan kehidupan Rasulullah SAW itu berulang kembali. Pendidikan islam masih tetap memantulkan Al-Qur'an dan Sunnah di ibu kota khilafah di Makkah, di Madinah dan di negeri- negeri lain yang ditakluki oleh orang-orang islam.

Berikut penguraian tentang pendidikan Islam (al-Quran) pada masa Khulafa al- Rasyidin menurut (Dalip, 1990):

i. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, (2011) dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Islam* pola pendidikan al-Quran pada masa Abu Bakar masih seperti pada masa Nabi, baik dari segi isi kandungan mahupun lembaga pendidikannya. Dari segi isi kandungan pendidikan Islam terdiri daripada pendidikan tauhid atau keimanan, akhlak, ibadah, kesihatan, dan sebagainya. Menurut Ahmad Syalabi (1980), lembaga untuk belajar membaca menulis ini disebut dengan Kuttab. Kuttab merupakan lembaga pendidikan yang dibentuk setelah masjid, selanjutnya Asama Hasan Fahmi mengatakan bahwa Kuttab didirikan oleh orang-orang Arab pada masa Abu Bakar dan pusat pembelajaran pada masa ini adalah Madinah, sedangkan yang bertindak sebagai tenaga pendidik adalah para sahabat rasul terdekat.

Lembaga pendidikan Islam (al-Quran) masjid, masjid dijadikan sebagai benteng pertahanan rohani, tempat pertemuan, dan lembaga pendidikan Islam, sebagai tempat solat berjama'ah, membaca Al-Qur'an dan lain sebagainya.

ii. Masa Khalifah Umar bin Khattab

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, M.ag (2011). dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Islam* berkaitan dengan masalah pendidikan , khalifah Umar bin Khattab merupakan seorang pendidik yang melakukan penyuluhan pendidikan di kota Madinah, beliau juga menerapkan pendidikan di masjid-masjid dan pasar-pasar serta mengangkat dan menunjuk guru-guru untuk tiap-tiap daerah yang ditaklukan itu, mereka bertugas mengajarkan isi Al-qur'an dan ajaran Islam lainnya. Adapun metod yang mereka pakai adalah guru duduk di halaman masjid sedangkan murid melingkarinya.



Pelaksanaan pendidikan di masa Khalifah Umar bin Kattab lebih maju, sebab selama Umar memerintah Negara berada dalam keadaan stabil dan aman, ini disebabkan disamping telah ditetapkannya masjid sebagai pusat pendidikan juga telah terbentuknya pusat-pusat pendidikan Islam di berbagai kota dengan ilmu yang dikembangkan, baik dari segi ilmu bahasa, menulis, dan pokok ilmu-ilmu lainnya.

Pendidikan dikelola di bawah pengaturan gubernor yang berkuasa saat itu,serta diiringi kemajuan di berbagai bidang, seperti jawatan pos, kepolisian, baitulmal dan sebagainya.Adapun sumber gaji para pendidik waktu itu diambilkan dari daerah yang ditaklukan dan dari baitulmal.

iii. Masa Khalifah Usman bin Affan.

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, (2011) dalam bukunya Sejarah Pendidikan Islam pada masa khalifah Usman bin Affan, pelaksanaan pendidikan Islam (al-Quran) tidak jauh berbeza dengan masa sebelumnya. Pendidikan di masa ini hanya melanjutkan apa yang telah ada, namun hanya sedikit terjadi perubahan yang mewarnai pendidikan Islam. Para sahabat yang berpengaruh dan dekat dengan Rasulullah yang tidak diperbolehkan meninggalkan Madinah di masa khalifah Umar, diberikan kelonggaran untuk keluar di daerah-daerah yang mereka sukai. Kebijaksanaan ini sangat besar pengaruhnya bagi pelaksanaan pendidikan di daerah-daerah.

Proses pelaksanaan pola pendidikan pada masa Usman ini lebih ringan dan lebih mudah dijangkau oleh seluruh peserta didik yang ingin menuntut dan belajar Islam dan dari segi pusat pendidikan juga lebih banyak, sebab pada masa ini para sahabat memilih tempat yang mereka inginkan untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat.

Tugas mendidik dan mengajar umat pada masa ini diserahkan pada umat itu sendiri, ertinya pemerintah tidak mengangkat guru-guru, dengan demikian para pendidik sendiri melaksanakan tugasnya hanya dengan mengharapkan keredhaan Allah.

#### **4.0 PERKEMBANGAN PUSAT PENGAJIAN YANG DIPELOPORI PARA SAHABAT :**

Setelah berlaku perkembangan dan penyebaran agama Islam di semerata dunia, maka menjadi tanggungjawab khalifah Islam untuk memastikan agama Islam diterapkan di setiap kota yang diterokai. Oleh yang demikian, diutuskan seorang yang berkemahiran dalam dalam untuk memberi penjelasan berkaitan agama. Maka antara sahabat yang diamanahkan untuk memastikan agama islam terpandu terutamanya dalam pengajian al-Quran adalah seperti berikut (Subhi al-Salih, 1977, p. 99):

i. Makkah

Guru pertama yang mengajar di Mekah setelah Mekah ditakluki ialah Muaz bin Jabal. Beliaulah yang mengajar al-Quran dan perkara halal haram dalam Islam.



ii. Madinah

Lebih terkenal dan lebih mendalam ilmunya kerana di sana terdapat Khalifah Abu Bakar, Umar, Ali, Zaid bin Thabit serta sahabat-sahabat Nabi Muhammad.

iii. Basrah

Sahabat yang terkenal ialah Abu Musa al-Asyari dan Anas bin Malik.

iv. Kuffah

Sahabat yang tinggal di Kuffah ialah Ali bin Abu Talib dan Abdullah bin Mas'ud. Tugas Ibn Mas'ud ialah mengajar al-Quran dan ilmu agama. Beliau diutus oleh Umar al-Khattab ke Kuffah untuk menjadi guru.

v. Damsyik (Syam)

Setelah negeri Syam menjadi sebahagian negara Islam dan penduduknya ramai memeluk Islam, maka Saidina Umar menghantar tiga orang guru agama ke negeri itu iaitu Muaz bin Jabal, Ubadah dan Abu Dardak al-Dardak. Mereka mendirikan madrasah agama dan mengajar al-Quran serta ilmu agama pada tiga tempat iaitu Abu al-Dardak di Damsyik, Muaz bin Jabal di Palestin dan Ubadah di Hims.

## 5.0 Sejarah Perkembangan Islam Memasuki Ke Malaysia

Kedatangan Islam ke Asia dan khususnya Nusantara dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap persinggahan, tahap pertapakan dan tahap perluasan pengaruh secara besar-besaran. Mengenai tahap pertama iaitu tahap persinggahan, ia berlaku sebagai kelangsungan dari kegiatan perdagangan yang berjalan sebelum kemunculan Islam lagi. Ia juga mengenai hubungan Arab dengan Asia Tenggara, iaitu hubungan secara langsung dengan hubungan secara tidak langsung (Abdullah, 2006).

Hubungan secara langsung, ia berlaku berikutan dari keperluan barangan yang membawa pedagang-pedagang Arab dan farsi ke Nusantara. Di antara barang-barang tersebut ialah lada, rempah, kemenyan, dan terutamanya kapur barus. Khusus tentang kapur barus, ia pernah dianggap sebagai punca yang membawa orang-orang Arab ke Nusantara sejak awal lagi. Sebenarnya, barang-barang ini bukan sahaja dikehendaki oleh orang-orang Arab, bahkan juga oleh orang-orang Barat. Hubungan tidak langsung pula, ia berlaku apabila pedagang-pedagang Arab dan Farsi menjalankan kegiatan perdagangannya dengan China. Memang diakui terdapat jalan darat melalui pelabuhan Oc-ao di Funan, tetapi pada umumnya pedagang-pedagang Arab menggunakan jalan lautan, melintasi pesisir India dan Asia Tenggara menurut musim angin. Dalam kegiatan ini mereka menjadikan kawasan Nusantara sebagai tempat persinggahan.

Tahap kedua pula iaitu tahap pertapakan, di mana terdapat kesan-kesan pertapakan Islam di Asia Tenggara. Terdapat penempatan orang-orang Arab-Islam di Pantai Barat Sumatera. Selain itu, penghijrahan pelarian-pelarian dari China membuktikan yang Islam di Nusantara datang melalui negeri China. Dan hujah ini diperkuatkan lagi dengan penemuan batu nisan



yang bertarikh 419H/1028M di Pekan, Pahang, dan juga Batu Bersurat yang bertarikh 702H/1303M di Kuala Berang, Terengganu.

Mengenai tahap ketiga iaitu tahap perluasan pengaruh secara besar-besaran, ia berlaku selepas jatuhnya Baghdad pada tahun 1258M, akibat serangan Mongol. Walau demikian, dakwah Islam di Nusantara tetap berjalan dengan lancar. Malah pernah diperkatakan bahawa perkembangan Islam selepas era kegemilangan Baghdad ini merupakan peringkat peralihan agama secara besar-besaran. Dalam peringkat ini pihak yang memainkan peranan ini bukan sahaja terdiri daripada orang-orang Arab dan Farsi, malah juga orang-orang India dan anak tempatan Nusantara sendiri.

Kemasukan agama Islam di Malaysia secara garis besar memiliki proses yang serupa dengan negara lainnya yang terletak di Asia Tenggara. Islam mulai memberikan pengaruhnya di wilayah Asia Tenggara melalui proses perdagangan antarabangsa yang berpusat di Selat Melaka. Agama Islam dibawa oleh para pedagang Persia, Gujarat dan India. Selat Melaka sebagai wilayah pusat perdagangan kerana letaknya secara strategik, yang menghubungkan wilayah Asia Timur, Asia Tenggara, dan Asia Barat. Oleh kerana itu, para pedagang mulai menyiarkan agama Islam di Asia Tenggara, termasuk Malaysia.

## 6.0 Pengenalan MACMA

Persatuan Cina Muslim Malaysia atau lebih dikenali sebagai (Malaysian Chinese Muslim Association) MACMA merupakan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang tidak berasaskan kepada keuntungan. Penglihatan para ahli dan pemimpin di dalam MACMA ialah bertujuan untuk memberikan sumbangan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam. Kewujudan MACMA juga bukannya untuk bersaing mana-mana pertubuhan lain yang telah wujud. Kehadiran MACMA juga bukan bertujuan untuk menunjukkan siapa lebih jaguh dan handal di dalam memperjuangkan kepentingan umat Islam. Jauh sekali pertubuhan MACMA untuk memperjuangkan kepentingan satu kelompok manusia yang berasaskan kepada keturunan yang tertentu (Zakiah, 2009).

MACMA ditubuhkan pada tahun 1994. Idea penubuhan persatuan ini ialah hasil perbincangan segolongan professional Cina Muslim yang beridentitikan sosiobudaya Cina yang tidak bertentangan dengan Islam. Tujuan utama adalah supaya Cina Muslim dapat lebih mendekati dan berdakwah dengan masyarakat Cina bukan Islam setelah dapat memahami latar belakang dan kehendak mereka (Abd Aziz Mohd Zin, 2006).

Penubuhan MACMA menjadi realiti setelah satu pertemuan yang diadakan antara jawatankuasa penaja MACMA dengan Dato' Dr. Abdul Hamid Othman merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 27 Julai 1994. Namun begitu, pertubuhan ini didaftarkan secara sah pada 8 September 1994 di bawah Seksyen 7, Akta Penubuhan 1966 dengan nombor pendaftaran 1964/94. Manaakala Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) merupakan tulang belakang dalam pertubuhan MACMA. PERKIM telah memberikan ruang pejabat sementara secara percuma di Tingkat M, Balai Islam, Jalan Ipoh untuk MACMA termasuk menaja beberapa prasarana untuk MACMA beroperasi (Abd Aziz Mohd Zin, 2006).



Bagi melancarkan perjalanan dakwah di kalangan mualaf, MACMA mempunyai beberapa objektif tersendiri bagi mencapai matlamat utama. Antara objektif penubuhan MACMA adalah seperti berikut (Malaysian Chinese Muslim Association, 2019):

- i. Untuk menyebarkan pengetahuan dan ajaran Islam.
- ii. Melaksanakan dan menyelaras kegiatan Da'wah.
- iii. Menubuhkan Ummah Muslim Cina (masyarakat).
- iv. Menguatkan persaudaraan dengan semua umat Islam yang lain.
- v. Mengendalikan kajian, penyelidikan, seminar dan latihan untuk kemajuan pengetahuan dan kesejahteraan Islam ahli-ahlinya.
- vi. Membina dan mentadbir Pusat Islam / masjid untuk umat Islam Cina
- vii. Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti ekonomi Islam, amanah amal dan dana untuk menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan.

Manakala misi MACMA adalah berdasarkan kepada Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah Dengan sebenarbenar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan Dalam keadaan Islam.

(Surah Ali Imran : 102 )

Misi sesebuah pertubuhan juga merupakan perkara yang amat penting dalam usaha mencapai matlamat pertubuhan. Antara misi yang telah disenaraikan oleh MACMA ialah (Malaysian Chinese Muslim Association, 2019):

“Memperkenalkan lebih jauh kelebihan persatuan dan ahli kepada masyarakat. Berusaha membuat perbezaan dalam mendidik masyarakat dan mengembangkan matlamat. Secara khususnya, MACMA sangat prihatin dalam memberi bantuan kebajikan kepada masyarakat Cina Muslim sama ada dari sudut material mahupun dari segi rohani. Secara amnya, MACMA bertindak dengan cepat sebagai penggerak perhubungan dengan mengumpul lebih banyak masyarakat Cina bukan Islam”.

Matlamat Pertubuhan MACMA

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنجِيلَ ﴿٣﴾

Ia menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab suci (Al-Quran) Dengan mengandungi kebenaran, Yang mengesahkan isi Kitab-kitab suci Yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan ia juga Yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil. (Surah Ali ‘Imran: 3)



MACMA mengambil motivasi daripada ayat ini untuk menjalankan dakwah. Intipati utama ayat ini adalah untuk menyuruh dan menggalakkan membuat kebaikan, mencegah segala bentuk kemungkar dan menyeru kepada Allah, Tuhan Yang Esa. Kemajuan 58 dakwah Islamiyyah adalah tanggungjawab umat Islam sepenuhnya. Setiap individu muslim berkewajipan menjalankan dakwah mengikut kemampuan masing-masing.

Logo MACMA



- i. Sejalan dengan objektif persatuan, lakaran garisan menggambarkan persaudaraan dan kerjasama yang baik dengan hubungan yang berterusan dan persatuan yang harmoni dengan persaudaraan Islam.
- ii. Enam unit kubah di luar menggambarkan masjid di mana umat Islam menunaikan solat yang menggambarkan kepentingan solat sebagai salah satu tunggak utama kebenaran dalam Islam.
- iii. Lambang pusingan yang tajam pula menggambarkan aktiviti tetap MACMA dalam usaha merealisasikan objektifnya.
- iv. Enam putik kecil yang mengelilingi dikaitkan dengan kekisi yang membentuk satu pola bunga yang mekar bagi menandakan masyarakat Cina Muslim di Malaysia yang bekerja bersama-sama dengan semangat Islam untuk kemajuan Muslim.
- v. Segi enam pula menggambarkan enam rukun Iman dan reka bentuk tersebut menghala ke arah tengah yang menandakan permulaannya tidak terbatas dan melangkaui pemahaman.

MACMA mempunyai tujuh cawangan yang aktif di seluruh Malaysia. Secara tidak langsung cawanagan-cawanagn tersebut dapat mambantu masyarakat di kalangan kaum cina sebagai rujukan setempat. Di dalam laman web rasmi MACMA, terdapat alamat dan individu yang



bertanggungjawab dalam mengendalikan aktiviti yang berkaitan dengan agama Islam. Alamat cawangan MACMA adalah seperti berikut (Malaysian Chinese Muslim Association, 2019):

Branches	Person in Charge	Postal Address	Telephone	Fax Number	Email Address
MACMA Kuala Lumpur Federal Territorial	Haji Taufik Kang	B4, Jalan Jati, Taman Setapak, 53000 Kuala Lumpur	H/P:012-6521594	NIL	NIL
MACMA Selangor State Branch	Bro. Yusof Ong Abdullah	46, Jalan Gambala Satu 19/9A Skysen 19,40300 Sha Alam, Selangor	H/P:012-2642889	NIL	NIL
MACMA Pahang State Branch	Encik Shahrudin Leong	A3252, Lorong Kubang Buaya,25050 Kuantan, Pahang	09-5685257	NIL	NIL
MACMA Perak State Branch	Chairman: Noor Azita Loh Abdullah Secretary: Puan Nadiah Teh	25, Tingkat Satu, Jalan Taiping Utara, Taman Taiping Utara, 34600 Kamunting, Taipin, Perak	05-8065786 H/P: 018-6846062	NIL	NIL
MACMA Johor State Branch	Haji Johari Chang	11, Jalan Jagong 3, Taman Bandar Baru Uda, 81200 Tampoi Johor Bahru	07-2346599	07-2346599	NIL
MACMA Kelantan State Branch	Haji Anuar Tan Abdullah	831. Lorong Taliair Paya Rambai,15200 Jalan Bayam, Kota Bahru, Kelantan	09-7446003 019-9805496	09-7446055	NIL
MACMA Sarawak State Branch	Tuan Haji Mordadha Lau	Lot 16, Satok Parate Tingkat 2 & 3, Jalan Kulas 93400, Kuching, Sarawak	082-232791 082-232117 013-8100127	082-232791	NIL

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan beberapa cawangan yang masih aktif dan menjadi rujukan masyarakat setempat. Setiap cawangan mempunyai ketua yang bertanggungjawab untuk mengendalikannya.

## 7.0 Kesimpulan

MACMA merupakan sebuah pertubuhan yang sah di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966. Persatuan ini mereka telah menggariskan beberapa objektif, visi, misi, dan matlamat pertubuhan di samping meujudkan jawatankuasa penggerak di dalam persatuan. Dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah ini sudah pasti MACMA akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran yang berbagai. Oleh yang demikian, MACMA haruslah kuat dan terus tegak berdiri dalam menggerak dan meneruskan misi dakwah sebagaimana yang telah dirancang.



Pelbagai masalah dan cabaran yang datang itu haruslah dihadapi dengan penuh professional dan matang. Antara lainnya, MACMA juga perlulah bergerak seiring dengan perubahan masa dan perkembangan yang berlaku di dalam masyarakat. Hal ini kerana untuk menjadikan MACMA sebagai sebuah pertubuhan yang relevan bukan sahaja di dalam perjuangan dakwah tetapi akan terus berada pada kedudukan yang utama di dalam arus perdana perjuangan Islam, khususnya di negara ini.

Di samping itu, metode-metode yang telah digunakan oleh pihak tenaga pengajar di MACMA adalah tepat kerana saudara baru ini dianggap seperti kanak-kanak yang baru mengenali huruf-huruf iaitu huruf al-Quran kerana pada asasnya mereka tidak pernah didedahkan apatah lagi mempelajari ilmu-ilmu Islam sebelumnya. Saudara baru ini ibarat kita mengajar kanak-kanak yang baru mengenali dunia dan mereka juga sangat memerlukan bimbingan dalam setiap aspek kehidupan berlandaskan ajaran Islam. Oleh itu, terdapat cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam mengajar mereka dan usaha tenaga pengajar amatlah dihargai kerana sedia dan sanggup membantu dalam membimbing saudara baru kita yang amat memerlukan kita sebagai guru mereka.

### **Rujukan**

- Abd Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: UM.
- Adel M. Abdul Aziz. (2006). *Panduan dan Bimbingan Guru Al-Quran*. Kuala Lumpur.: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahmad, M. Y. (2000). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. .
- Dalip, A. R. (1990). *Zaman Khalifah Ar-Rasyidin*, . Selangor: Fakulti Pendidikan UKM.
- Engkizar. (2011). *Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Al-Quran Dalam Pendidikan Islam*. Selangor: UKM.
- Hassan Langgulung. (1988). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysian Chinese Muslim Association. (28 September, 2019).  
<http://macma.bravepages.com/id00.html>. Retrieved from  
<http://macma.bravepages.com/id00.html>: <http://macma.bravepages.com/id00.html>
- Samsul Nizar. (2011). *Sejarah Pendidikan Islam (Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah)*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Subhi al-Salih. (1977). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ilmi Li al-Malayiin.